

1035- PENGGUNAAN GANJA DALAM PERUBATAN DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

**ZANARIAH DIMON
ZAINI YUSNITA MAT JUSOH
ABDUL HAKIM BAHARUDIN**

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)

zanariah@kuis.edu.my, zainiyusnita@kuis.edu.my, abdulhakim@kuis.edu.my

ASMA' ABDUL HALIM
Pembantu Penyelidik

ABSTRAK

Ganja atau lebih dikenali sebagai kanabis merupakan sebahagian daripada dadah berbahaya di Malaysia yang tertakluk kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 dan juga racun yang tertakluk kepada Akta Racun 1952. Ganja tersenarai dalam Akta 1952 sebagai antara jenis dadah berbahaya sama seperti Heroin, Morfin, Candu dan Kokain yang diharamkan penggunaannya dan boleh dijatuhkan hukuman kepada pemilik, penanam atau penagih ganja tersebut. Kajian awal menunjukkan ganja berkesan digunakan dalam perubatan khususnya bagi rawatan penyakit anxiety seperti Post Traumatic Stress Disorder (PTSD), penyakit Obsessive Compulsive Disorder (OCD) dan penyakit Panic Disorder. Ia juga sangat berkesan bagi meredakan tantrum dalam kalangan pesakit autisme. Walau bagaimanapun, di Malaysia setakat ini, tiada penggunaan dan preskripsi ubat-ubatan berasaskan ganja dibuat sebagai rawatan penyakit-penyakit tersebut walaupun penggunaannya telah diterima di kebanyakan negara-negara luar seperti Austria, Kanada dan Finland. Terdapat isu-isu dan cabaran yang menjadi limitasi kepada penggunaan ganja dalam perubatan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengamati isu-isu dan cabaran yang dihadapi berlaitan penggunaan ganja sebagai rawatan dalam bidang perubatan pada masa kini di Malaysia. Kajian ini menggunakan pengumpulan data melalui analisis dokumen dan temu bual separa struktur bersama tiga informan dalam bidang hukum syarak, fatwa dan perubatan. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) dan tematik. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan isu utama yang membataskan penggunaan ganja dalam perubatan adalah kekangan perundangan. Kajian ini turut mengutarakan cadangan penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi.

Kata kunci: ganja, cannabis, perubatan

PENGENALAN

Perbincangan mengenai penggunaan ganja di Malaysia mula tular semula di Malaysia selepas penahanan penyanyi dan komposer, Muhammad Yasin Sulaiman pada 21 Mac 2022. Dia telah didakwa atas kesalahan menanam 17 pokok ganja (*cannabis*) di rumahnya bagi merawat penyakit bipolar yang dideritainya. Berikutan dengan penahanan itu, pertuduhan dibuat mengikut seksyen 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut seksyen 6B(3) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman pemenjaraan seumur hidup atau sebatan tidak kurang daripada enam kali sebatan jika disabitkan kesalahan. Namun begitu, pada 6 Julai 2022, dia telah dilepaskan tanpa

dibebaskan oleh mahkamah. Ganja atau dikenali sebagai *Cannabis* adalah merujuk semua produk yang diperolehi daripada tumbuhan *Cannabis Sativa* dan ia adalah sejenis dadah yang mengkhayalkan. Secara umumnya, masyarakat mempercayai bahawa ganja memudaratkan kesihatan dan kehidupan penggunanya. Walau bagaimanapun, ramai tidak mengetahui bahawa ganja juga mempunyai peranan yang penting dalam bidang perubatan di negara-negara tertentu. Malah kebelakangan ini, ganja telah digunakan secara meluas sebagai ubat dalam bidang perubatan di luar negara. Terdapat kajian di luar negara yang mendapati bahawa ganja boleh meningkatkan selera makan orang yang menghadapi HIV dan mengurangkan kesakitan kronik serta kekejangan otot.

Justeru, terdapat gesaan dari banyak pihak untuk kerajaan Malaysia membenarkan penggunaan ganja dalam bidang perubatan. Begitupun, pendirian Perdana Menteri ke 10 sendiri menjelaskan mengenai kepentingan kajian mendalam dari pelbagai pihak dibuat mengenai isu ini. Kerajaan pada masa kini belum membuat sebarang keputusan berhubung cadangan membenarkan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan di Malaysia seperti di negara-negara lain kerana masih menunggu hasil dapatan kajian, termasuk cadangan Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung perkara itu. Malah, ganja telah disenaraikan sebagai dadah yang dilarang penggunaannya di Malaysia berdasarkan Akta Dadah Berbahaya 1952. Walau bagaimanapun, larangan tersebut dikecualikan jika penggunaannya untuk tujuan perubatan yang perlu mematuhi syarat-syarat tertentu. Fatwa di bawah Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dilihat selaras dengan undang-undang sedia ada yang menghukumkan ganja sebagai haram tetapi dibenarkan bagi tujuan perubatan. Namun, sehingga kini, kajian awal mendapati ganja masih tidak digunakan dalam perubatan sebagai rawatan khususnya bagi penyakit mental di Malaysia. Oleh itu, penulisan artikel ini bertujuan menjelaskan isu-isu dan cabaran yang dihadapi berkaitan penggunaan ganja dalam perubatan di Malaysia serta mencadangkan penyelesaian bagi cabaran yang dihadapi.

METODOLOGI

Artikel ini ditulis berdasarkan kajian kualitatif melibatkan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fokus kajian dari aspek perundangan. Dokumen-dokumen yang digunakan bersifat primer dan sekunder terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, kertas kerja persidangan dan undang-undang. Data juga diperolehi melalui temubual separa struktur bersama tiga informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang hukum syarak, perubatan dan undang-undang. Data-data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan tematik bagi menghasilkan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ganja sebagai Rawatan dalam Perubatan

Ganja atau kanabis adalah merujuk kepada istilah yang sama. Definisi ganja menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), ialah sejenis tumbuhan yang daun dan bunganya yang kering dihisap seperti tembakau sebagai dadah yang mengkhayalkan. Merujuk pula kepada definisi “cannabis” yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, “*cannabis means any part of the plant of the genus Cannabis from which there is found to be present resin irrespective of its quantity, and by whatever name the plant may be designated*” (kanabis bermaksud mana-mana bahagian tumbuhan jenis Cannabis yang didapati terdapat resin atau damar tanpa mengira kuantitinya, dan dengan apa jua nama tumbuhan itu ditetapkan). Tumbuhan kanabis mengandungi lebih daripada 460 jenis bahan kimia yang dinamakan *cannabinoid*. Tiga bahan kimia utama yang memberikan kesan kepada manusia dan mempunyai kepentingan perubatan ialah *tetrahydrocannabinol* (THC), *cannabinol* (CBN) dan *cannabidiol* (CBD). THC dan CBN mempunyai kesan psikoaktif manakala CBD tidak mempunyai kesan tersebut (KKM, 2020). Bahan-bahan ini didakwa dapat meningkatkan selera makan, mengurangkan loya, mengurangkan kesakitan kronik bagi pesakit kanser, radang, masalah kawalan otot dan sebagainya. (McEwen J. A, 2007)

Dadah jenis ini mempunyai pelbagai nama mengikut tempat. Misalnya di Malaysia ia dikenali sebagai ganja, di Eropah pula terkenal dengan nama marijuana, dan di Timur Tengah dadah jenis ini dipanggil sebagai hashish. Dadah ini diperbuat daripada pokok kanabis yang banyak ditanam di Amerika Latin, Asia, dan Timur Tengah. Di Malaysia, penanaman pokok ganja telah diharamkan dan salah di sisi undang-undang. Dadah jenis kanabis ini amat popular kerana penggunaannya yang mudah dan murah. Pengguna hanya perlu hisap seperti rokok dan ia tidak mendatangkan ketagihan dari aspek fizikal, tetapi dari sudut psikologi ia boleh menyebabkan berlakunya sindrom tarikan psikologi (*psychological withdrawal syndrome*) seperti anxious, paranoid, dan amnesia (Nurhazlina, 2016). Ganja juga sememangnya mempunyai kesan khayal terhadap penggunaanya sama seperti dadah yang lain. Namun begitu, terdapat bahan-bahan kimia tertentu di dalam ganja yang dipercayai boleh membantu dan bermanfaat dalam rawatan perubatan moden.

Peranan ganja dalam rawatan perubatan adalah melalui penggunaan ganja sebagai ubat penahan sakit yang boleh mengurangkan kesakitan seorang pesakit (Kavietha et al. 2019). Ganja didakwa memberikan kesan baik kepada manusia dan mempunyai kepentingan perubatan, antaranya dapat meningkatkan selera makan dan mengurangkan loya. Ia juga didakwa dapat mengurangkan kesakitan kronik bagi pesakit kanser, radang dan masalah kawalan otot. Sebahagiannya mempunyai kesan psikoaktif, manakala sebahagian yang lain tiada kesan psikoaktif dan tidak memberikan kesan “*high*”. Ianya mungkin berguna untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan, mengawal serangan epilepsi, dan mungkin merawat penyakit mental dan ketagihan. (Farmasi KKM, 2020). Dadah jenis ganja ini pernah dijadikan ubat penahan sakit suatu ketika dahulu. Begitupun, sekiranya disalah guna, ia dapat menyebabkan mual, muntah, cirit birit, mata merah dan kekejangan. Pada dos yang tinggi pula, ia dapat menyebabkan khayal dan menjadikan penggunaanya tidak siuman. Dadah jenis ini tidak lagi digunakan sebagai ubat tahan sakit (*analgesic*). (Rafiqi, 2015)

Walau bagaimanapun, daripada tiga komponen bahan kimia yang utama dalam tumbuhan ganja iaitu THC, CBN dan CBD, kajian saintifik menunjukkan terdapat kebaikan dalam ganja iaitu melalui bahan kimia CBD dalam perubatan khususnya bagi merawat penyakit berkaitan mental atau depressi. Antaranya, CBD dapat mengurangkan kesakitan berkaitan dengan

penyakit seperti *multiple sclerosis* dan *rheumatoid arthritis*, mengurangkan kebimbangan dan kemurungan, membantu mengurangkan gejala yang berkaitan dengan kanser dan rawatan kanser (Leadtop Farmaseutikal, 2019). Walaupun CBD biasanya diterima dengan baik dan dianggap selamat, ia boleh menyebabkan reaksi negatif dalam sesetengah orang. Kesan sampingan yang diambil dalam kajian termasuk cirit-birit, perubahan selera dan berat badan, dan keletihan. Ia juga boleh mengganggu ubat-ubatan tertentu (Leadtop Farmaseutikal, 2019).

Kajian awal mendapati antara negara luar di dunia yang membenarkan penggunaan ganja dalam rawatan perubatan ialah Austria, Kanada, Finland, Jerman, Itali dan Belanda. Di Timur Tengah, Lubnan menjadi negara Arab pertama yang menghalalkan ganja untuk kegunaan perubatan dan perindustrian pada tahun 2020. Contoh negara lain yang membenarkan penggunaan ganja dari sudut perundangan ialah Australia. Pada November 2016, Kerajaan Persekutuan Australia meluluskan undang-undang yang membolehkan rangkaian produk berasaskan ganja dipreskripsi sebagai ubat tidak berdaftar dengan menggunakan Akses Khas dan Skim Preskripsi (McEwen J. A, 2007). Ganja juga telah digunakan secara meluas di Amerika Syarikat dan banyak nyawa telah diselamatkan melalui penggunaan ganja dalam rawatan. Terdapat satu undang-undang yang telah diluluskan di Amerika Syarikat iaitu *Comppassionate Use Act of 1996* yang membenarkan penggunaan, pemilikan dan penanaman ganja oleh pesakit dengan cadangan doktor untuk rawatan kanser, anoreksia, AIDS, sakit kronik, spastik, glaukoma, arthritis, migrain atau apa-apa penyakit lain dengan menggunakan ganja bagi memberikan kelegaan (Kavietha et al. 2019).

Penggunaan ganja juga telah meningkat secara mendadak dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kaedah alternatif dalam rawatan di United Kingdom dan beberapa negara Barat yang lain, bersama-sama dengan kelonggaran perundangan dan kelaziman pandangan bahawa ganja adalah sejenis ubat yang 'tidak berbahaya' (Atakan, 2018). Menurut Mathre (1997) pula, tumbuhan kanabis sememangnya mempunyai faedah terapeutik dan boleh mengurangkan penderitaan jika berjuta-juta orang yang mengidap pelbagai penyakit seperti AIDS, kanser, glaukoma, sklerosis berganda, kecederaan saraf tunjang, gangguan sawan, sakit kronik dan penyakit lain.

Walau bagaimanapun, secara umumnya, kajian menunjukkan belum ada data yang jelas mengenai penggunaan ganja sebagai kaedah rawatan dalam perubatan di Malaysia. Ini kerana ganja masih lagi dikategorikan sebagai salah satu jenis dadah berbahaya dan diharamkan penggunaan, pendedaran atau penanamannya bagi tujuan rekreasi atau komoditi. Penggunaan ganja di Malaysia adalah dilarang berdasarkan undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Penggunaan ganja dalam rawatan perubatan di Malaysia juga adalah tidak dibenarkan kerana tidak ada undang-undang yang jelas dan spesifik mengenai penggunaan ganja dalam rawatan perubatan (Kavieta et al. 2019). Kajian juga menunjukkan bahawa buat masa ini, tiada produk berasaskan ganja untuk kegunaan rawatan perubatan manusia yang berdaftar di Malaysia. Walaupun, pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang merupakan pihak bertanggungjawab untuk mendaftarkan produk di Malaysia pernah mendaftarkan satu produk berasaskan kanabis iaitu Sativex® pada tahun 2014, namun, atas permintaan pihak syarikat sendiri, pendaftaran produk ini telah dibatalkan pada tahun 2017 (KKM, 2020). Walaupun begitu, menurut data temu bual bersama informan, ganja

boleh digunakan bagi tujuan perubatan sekiranya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang berkaitan dadah berbahaya di Malaysia;

“Undang-undang negara ketika ini tidak menghalang penggunaan ganja bagi tujuan perubatan sekiranya mematuhi beberapa peraturan. Undang-undang berkaitan adalah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952”.
(Informan 4, UKM, 6/10/2023)

Isu-isu Penggunaan Ganja dalam Perubatan

Kajian awal mendapati bahawa walaupun terdapat kemudahan berkaitan ganja, tetapi terdapat juga kebaikan dan manfaat ganja atau *cannabis* sebagai rawatan dalam perubatan khususnya yang melibatkan komponen CBD. Banyak negara di seluruh dunia yang telah mengiktiraf penggunaan ganja bagi merawat pesakit sebagai ubat penahan sakit atau memberikan kelegaan kepada pesakit. Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih belum ada undang-undang yang jelas dan spesifik mengenai kebenaran penggunaan ganja sebagai rawatan alternatif bagi perubatan khususnya bagi merawat penyakit mental di Malaysia. Hasil kajian berdasarkan data-data temubual bersama para informan daripada pelbagai bidang meliputi kepakaran hukum syarak, perubatan dan undang-undang mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang telah dikenal pasti berkaitan penggunaan ganja dalam perubatan di Malaysia pada masa kini. Isu-isu tersebut antaranya adalah seperti berikut:

i. Fatwa keharusan ganja bagi tujuan perubatan

Terdapat fatwa oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan yang bertarikh 22 September 2022 hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-116 yang bersidang pada 1 April 2019 telah memutuskan seperti berikut:

1. Hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah haram kerana mendatangkan mudarat kepada tubuh badan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:195) yang bermaksud “... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”. Hal ini bertepatan dengan Kaedah Fiqh “Kemudahan hendaklah dihilangkan”.
2. Walau apa pun perenggan 1, hukum menggunakan dadah jenis kanabis adalah harus bagi tujuan perubatan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:
 - (a) mendapat kebenaran daripada pihak yang berautoriti;
 - (b) mendapat pengesahan daripada dua (2) orang pakar perubatan; dan
 - (c) tidak digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.
3. Hal keadaan dalam perenggan 2 adalah bertepatan dengan Kaedah Fiqh “Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang terlarang”.
4. Bagi maksud Fatwa ini, kanabis ialah sejenis dadah yang berasal daripada pokok hem atau dikenali sebagai ganja dalam kalangan masyarakat umum.

Selain fatwa Wilayah Persekutuan ini, Pulau Pinang juga pernah mengeluarkan fatwa mengenai keharusan penanaman ganja atau dikenali juga sebagai hemp bagi tujuan penyelidikan dan keperluan perubatan. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2020 yang telah bersidang pada 21 & 22 Oktober 2020 memutuskan bahawa berdasarkan dapatan kajian yang telah dibentang oleh kumpulan Penyelidik daripada Pusat Racun Negara, USM, mesyuarat memutuskan bahawa: Penanaman hemp untuk tujuan

penyelidikan, keperluan perubatan kesihatan dan komoditi adalah harus tertakluk kepada kawalan dan seliaan yang ketat agar tidak disalah guna bagi tujuan yang memudaratkan kesihatan dan menyalahi undang-undang negara.

Keharusan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan juga diakui oleh informan iaitu bagi tujuan untuk mengelakkan kemudatan tetapi dengan syarat perlu mendapat pengesahan dari dua orang pakar perubatan dan tidak menyalahi undang-undang. Menurut informan:

“Ikut fatwa memang kita haruskan. Kalau ikut fatwa ulama-ulama tradisional pun sama juga kalau untuk perubatan. Kalau kita kata dalam keputusan fatwa, perubatan ni ada dua jenis sama ada darurat atau tidak. Kalau darurat memang sepakatlah apa benda haram pun jadi halal. Tapi kalau perubatan, kalau kata kanabis boleh tak kita guna sebagai perubatan yang bukan darurat. Kita pejabat mufti mengambil kira sebagai benda tu diharuskan. Boleh mengambil kanabis yang boleh dijadikan ubat-ubatan walaupun bukan darurat, walaupun ada opsyen alternatif lain, tapi kena ada dapat pakar, pakar yang ada *credential* betul-betullah sekurang-kurangnya dua orang. Ada negeri letak tiga”. (Informan 3. Pejabat Mufti WP. 18/8/2023)

Walau bagaimanapun, kedua-dua fatwa tersebut tidak mengikat dari segi undang-undang kerana syarat keharusan penggunaan ganja sebagai rawatan dalam perubatan adalah perkara tersebut tidak boleh berlawanan dengan undang-undang negara. Selagi ganja dikategorikan sebagai dadah berbahaya, maka ia terikat dengan pengharaman penggunaannya menurut undang-undang Persekutuan iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 melainkan ada pindaan dibuat terhadap undang-undang tersebut (Informan 3. 2023).

ii. Penyelidikan berkaitan ganja sukar dijalankan

Penyelidikan yang mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan oleh para akademik, penyelidik dan profesional dalam kalangan industri bagi mengkaji mengenai manfaat dan kebolegunaan ganja dalam rawatan perubatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, penyelidikan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekangan undang-undang. Menurut informan, penyelidikan hanya dibenarkan dalam kalangan kakitangan awam berdasarkan Akta Dadah Berbahaya 1952;

Kekangan sekarang ni yang saya tengoklah penyelidik-penyelidik universiti memang *volunteer* nak buat, nak buat penyelidikan tetapi kita tak dibenarkan kerana kita tak *diclassify* sebagai kakitangan awam. Kita badan berkanun. Sebab dalam syarat KKM tu hanya kakitangan awam dibenarkan untuk melakukan penyelidikan bahan-bahan di bawah Akta Dadah Berbahaya. Buat masa sekarang kita universiti tak. Kita bukan kakitangan awam. Kita hanya kakitangan badan berkanun. Jadi kita tak dibenarkan untuk buat penyelidikan. Itu yang satu, saya rasa satu setback lah, sebab orang KKM sendiri dia taknak buat penyelidikan sebab bukan KPI dia. Orang universiti yang nak buat penyelidikan sebab penyelidikan ialah KPI orang universiti, tapi orang universiti tak dibenarkan. Ini yang menjadi satu kekangan (Informan 2, UMCAS, 15/6/2023)

Selain itu, tiada lagi bukti saintifik yang dapat menentukan manfaat CBD dalam rawatan perubatan khususnya bagi penyakit yang melibatkan mental, autisme atau depresi. Ini kerana di Malaysia terdapat kekangan untuk membawa masuk produk berasaskan CBD walaupun bagi tujuan penyelidikan. Menurut informan;

“nak buat penyelidikan pun susah sebab syarikat-syarikat yang nak memasarkan produk CBD ni tak dibenarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia ataupun kita panggil National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA). Dia tak benarkan untuk syarikat ini bawa masuk CBD ke Malaysia walaupun untuk tujuan penyelidikan. Bahkan lagi tujuan digunakan kepada pesakit lagi-lagilah tak boleh.(Informan 2, UMCAS, 15/6/2023)

iii. Tiada bukti saintifik keberkesanan ganja dalam perubatan di Malaysia

Informan kajian sendiri mengakui bahawa tiada bukti saintifik di Malaysia yang dapat digunakan untuk memberi keyakinan kepada pihak-pihak berkepentingan bahawa ganja berkesan sebagai rawatan dalam perubatan khususnya bagi pesakit autisme. Ini kerana pegawai perubatan tidak dibenarkan membuat preskripsi ubat-ubatan yang mengandungi ganja kerana halangan undang-undang di Malaysia. Penyelidikan berkaitan juga tidak dapat dilakukan kerana kekangan undang-undang sedia ada Kebiasaannya, pesakit sendiri akan membeli ubatan mengandungi ganja dari luar negara atas risiko sendiri dan ia berkesan untuk meredakan *tantrum* atau keresahan pesakit autisme atau bipolar (Informan 2, UMCAS, 15/6/2023).

Berbanding di luar negara, terdapat banyak kajian yang telah membuktikan penggunaan ganja bagi rawatan khususnya bagi pesakit mental. Menurut kajian Atakan (2018) terdapat laporan yang mengatakan bahawa ganja menghilangkan perasaan kemurungan. Schofield et al (2006) pula mencadangkan bahawa terdapat hubungan antara penggunaan ganja dan penyakit mental yang menunjukkan tiga motif utama untuk digunakan: untuk berehat dan mengurangkan kebosanan; untuk bersosial; dan untuk menikmati perasaan khayal atau untuk meningkatkan mood positif. Menurut Mathre (1997), tumbuhan kanabis sememangnya mempunyai faedah terapeutik dan boleh mengurangkan penderitaan jika berjuta-juta orang yang menghidap pelbagai penyakit seperti AIDS, kanser, glaukoma, sklerosis berganda, kecederaan saraf tunjang, gangguan sawan, sakit kronik dan penyakit lain. Individu yang mengalami penyakit mental mengambil lebih banyak ganja sebagai kaedah rawatan sendiri dan alternatif bagi gejala psikiatri (Khanztian, 1997). Kajian semasa memberikan bukti lanjut tentang perkaitan kuat antara penggunaan ganja dan pelbagai penyakit mental primer. Ini menekankan kepentingan pemeriksaan yang betul untuk penggunaan ganja yang kerap di kalangan individu yang mempunyai penyakit mental kronik dan memfokuskan usaha pencegahan dan rawatan kepada golongan ini (Atakan, 2018)

Ketiadaan bukti-bukti saintifik di Malaysia berkait rapat dengan kesukaran untuk menjalankan kajian dan penyelidikan dalam kalangan para akademik dan ahli-ahli perubatan disebabkan halangan undang-undang (Informan 2, 2023). Stigma dan persepsi masyarakat juga menyukarkan situasi ini kerana tidak semua pihak memahami keperluan pesakit-pesakit juga berkaitan terhadap ganja atau kanabis ini. Sudah tiba masanya, kajian secara

menyeluruh dan mendalam dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama para akademik dan ahli-ahli perubatan dalam pelbagai bidang bagi mengkaji penggunaan ganja dalam perubatan sama seperti kegunaannya di luar negara. Ia perlu supaya ganja dapat digunakan secara bermanfaat tetapi ada kawalan yang berterusan oleh pihak berkuasa agar tiada penyalahgunaannya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Cabaran Penggunaan Ganja dalam Perubatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama mengenai penggunaan ganja sebagai rawatan perubatan di Malaysia adalah kekangan undang-undang sedia ada pada masa kini walaupun ada keperluan terhadap jenis rawatan tersebut dan fatwa keharusan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan. Menurut undang-undang di Malaysia, penggunaan ganja atau *cannabis* adalah suatu kesalahan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 kerana ganja termasuk dalam senarai dadah berbahaya sama seperti jenis-jenis dadah yang lain seperti heroin, morfin, candu dan kokain. Undang-undang sedia ada di Malaysia telah mengharamkan penggunaan, pengedaran mahupun penanaman tumbuhan ganja yang membawa hukuman yang berat bagi mengelakkan kebarangkalian penyalahgunaannya. Semua bentuk ganja adalah dikategorikan sebagai dadah berbahaya seperti yang tertakluk di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Peruntukan ini telah menetapkan hukuman pemenjaraan terhadap pemilikan dadah seperti yang dijadualkan dalam akta berkenaan dan hukuman mati mandatori membabitkan kesalahan mengedar dadah di Malaysia. Selain itu, ganja juga disenaraikan sebagai sejenis racun yang tertakluk kepada Akta Racun 1952. Sekiranya sesuatu produk berasaskan tumbuhan ganja itu dikeluarkan bagi tujuan rawatan ataupun perubatan manusia, ia juga akan dikategorikan sebagai dadah dan produk yang termaktub di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Akta serta peraturan-peraturan yang disebutkan ini adalah bertujuan untuk mengawal ke atas pengendalian ganja seperti aktiviti mengimport, mengeksport, menjual, membekal, menghasilkan, menanam, memiliki dan menggunakannya.

Walau bagaimanapun, di sebalik penguatkuasaan peruntukan yang ketat ini, terdapat beberapa klausa perundangan yang membenarkan penanaman tumbuhan ganja ini untuk dijalankan dalam lingkungan tempatan dengan syarat-syarat yang ketat. Pengecualian terdapat dalam Seksyen 6B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 menyatakan bahawa Menteri Kesihatan mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana pegawai awam untuk menanam ganja bagi tujuan sama ada dalam bidang penyelidikan, pembelajaran, eksperimen atau perubatan dengan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditetapkan dalam kebenaran tersebut. Pegawai awam dalam akta ini merujuk kepada individu yang berkhidmat di mana-mana institusi kerajaan dan memegang jawatan serta menjalankan tugas rasmi di pejabat itu sendiri seperti yang disebut di dalam Seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Segala permohonan untuk menanam ganja boleh dibenarkan kepada pegawai awam yang berkhidmat di institusi kerajaan bagi tujuan penyelidikan. Oleh itu, mana-mana orang awam mahupun syarikat swasta atau syarikat persendirian tidak dibenarkan menanam ganja menurut undang-undang tersebut. Syarat-syarat yang ketat ini adalah bagi memastikan tidak berlaku penyalahgunaan terhadap bahan tersebut dan boleh memudaratkan orang ramai.

Aktiviti lain yang bersangkutan dengan pengimportan ganja bagi tujuan penghasilan produk untuk kegunaan rawatan perubatan manusia seperti penjualan atau pembekalan, pengilangan,

pemilikan atau penggunaan juga hanya boleh dilakukan oleh orang tertentu yang mempunyai lesen, kebenaran atau pengecualian yang diperuntukkan di bawah Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. (KKM, 2020)

Produk berasaskan ganja untuk kegunaan rawatan perubatan manusia perlu didaftarkan sebelum boleh dikilang, dijual, dibekal, diimport, dimiliki atau diadministrasi di Malaysia. Keperluan pendaftaran ini diperuntukkan dalam Peraturan 7 di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Kegagalan mematuhi keperluan ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Jualan Dadah 1952 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali (KKM, 2020).

KESIMPULAN

Kajian merumuskan bahawa terdapat banyak isu yang boleh dikenalpasti berkaitan kesukaran menggunakan ganja sebagai rawatan dalam perubatan di Malaysia pada masa kini. Antaranya kerana tiada bukti saintifik penggunaan ganja dalam perubatan di Malaysia, kesukaran menjalankan penyelidikan dan fatwa keharusan penggunaan ganja bagi tujuan perubatan yang tidak mengikat disebabkan kekangan undang-undang. Cabaran utama adalah kerana ganja atau kanabis masih lagi dikategorikan sebagai dadah berbahaya dan dilarang penggunaan, pengedaran dan penanamannya sama ada bagi tujuan rekreasi atau perubatan. Oleh itu, peruntukan ganja sebagai dadah berbahaya mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 perlu dipinda dengan sekurang-kurangnya mengeluarkan komponen CBD daripada senarai tersebut sekiranya pendirian kerajaan melalui Kementerian Kesihatan ingin membenarkan penggunaan ganja untuk tujuan perubatan khususnya dalam rawatan yang melibatkan masalah mental. Kajian saintifik menunjukkan CBD tidak memberi kesan psikotik kepada pengguna berbanding bahan yang lain dan ia lebih sesuai digunakan dalam perubatan. Walau bagaimanapun, ia memerlukan kajian yang mendalam, menyeluruh dan terperinci bagi memastikan penggunaannya hanya untuk tujuan perubatan dan bukannya bagi tujuan lain yang tidak memberi manfaat malah memudaratkan penggunaannya. Kajian sangat penting bagi memastikan keselamatan dan keberkesannya kepada masyarakat. Bertepatan dengan fatwa penggunaan ganja bagi tujuan perubatan yang diharuskan dengan bersyarat iaitu tidak digunakan untuk tujuan yang tidak menyalahi undang-undang. Ini kerana jika penggunaannya dapat menghilangkan kemudaratan, maka ia hanya dibenarkan setakat mana yang diperlukan bersesuaian dengan kaedah fiqh keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara yang terlarang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan untuk pihak Universiti Islam Selangor (UIS) dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi UIS (RIMC) yang menyediakan dana penyelidikan Geran Penyelidikan Inovasi UIS (GPIU) bagi kajian ini (Kod Penyelidikan: 2022/P/GPIK/GPI-08/009)

RUJUKAN

- Akta Dadah Berbahaya 1952
Akta Racun 1952
Atakan, Z. 2018. *Cannabis use by people with severe mental illness – is it important?*. Advances in Psychiatric Treatment. Volume 14. Issue 6. November 2008. 423 - 431.
E.J. Khantzian. 1997. *The self-medication hypothesis of substance use disorders: a reconsideration and recent applications*. Harv Rev Psychiatry, 4 (5) (1997). 231-244
Kementerian Kesihatan Malaysia 2020. Soalan Lazim : Kanabis (Cannabis), 6 March 2020, Laman Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia. (akses pada 9 Mac 2023)
Leadtop Farmaseutikal. 2019. <https://my.pharma-packing-machine.com/news/7-benefits-and-uses-of-cbd-oil-plus-side-effe-27724765.html>. (akes pada 2 November 2023)
Mary Lynn Mathre, R.N. (1997) *Cannabis in Medical Practice: A Legal, Historical and Pharmacological, Overview of Therapeutic Use of Marijuana*. North Carolina
McEwen J. A history of therapeutic goods regulation in Australia. Canberra: Commonwealth of Australia, 2007. Available at: <https://www.tga.gov.au/sites/default/files/history-tgeregulation.pdf>. Accessed 10 Oct 2019.
Mohd Ariffin, N. 2016. Pengaruh Kesejahteraan Rohani Terhadap Kecenderungan Pengulangan Dadah Di Tujuh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (Pkaadk) di Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia
Paramsivan, K, Tengku Zainuddin, T.N.A & Rajamanickam, R. 2019. *Penggunaan Ganja dalam Rawatan Perubatan di Malaysia*. Dalam Rajamanickam, R. & Tengku Zainuddin, T.N.A (Eds) Undang-undang dan Etika Perubatan (25-42). Bangi: Penerbit UKM
Schofield, D., Tennant, C., Nash, L. et al. 2006. *Reasons for cannabis use in psychosis*. Australian and New Zealand Journal of Psychiatry, 40, 570–574.
Temu bual bersama Informan 2. Pusat Pengajian Sains Ketagihan Universiti Malaya (UMCAS). 16 Jun 2023
Temu bual bersama Informan 3. Pejabat Mufti Wilayah Pesekutuan. 18 Ogos 2023
Temu bual bersama Informan 4. Fakulti Undang-undang. Universiti Kebangsaan Malaysia. 6 Oktober 2023